

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 31 March 2024 unless otherwise stated


Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2024 melainkan jika dinyatakan

## Objective / Objektif Dana

The Takafulink Dana Ekuiti Dinasti aims to provide long term capital appreciation by investing in Shariah-compliant investments with exposure to the Greater China region.

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti merupakan sebuah dana Ringgit luar pesisir yang bertujuan menawarkan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pelaburan pematuhan Shariah dengan pendedahan ke rantau China Besar.

## Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



## Asset Allocation Peruntukan Aset


	% NAV
1 Eastspring Investments Dinasti Equity Fund	98.08
2 Cash, Deposits & Others	1.92

## Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/04/2010
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM360,471,867.88
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM1.96981

## How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana  
Takafulink Dana Ekuiti Dinasti Vs. Dow Jones Islamic Market Greater China Index



## Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	1.01%	3.97%	4.74%	-1.79%	-35.60%	-0.73%	96.98%
Benchmark / Penanda Aras	0.47%	-0.33%	1.24%	-5.84%	-32.21%	9.23%	125.10%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.54%	4.30%	3.50%	4.05%	-3.39%	-9.96%	-28.12%

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 31 March 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2024 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

### Market Review

Greater China markets stayed largely sideways in March following February's rebound. National People's Congress (NPC) offered no new surprises and set an ambitious target during its Two Sessions meeting. A GDP growth target of "around 5%", fiscal deficit ratio target at 3% were in line with expectations. Investors will look for more concrete stimulus measures to roll out before or after the Politburo meeting in late-April as whilst GDP target is the same as last year's growth target it would be much harder to achieve without an updated action plan. March PMI readings showed solid momentum in manufacturing and service activities. Manufacturing PMI spiked to 50.8 in March, registering the highest reading since the 1Q23 post-Covid re-opening. Non-manufacturing PMI rose for the fourth consecutive month, with a jump of 1.7-pt to 53.1 in March (the highest reading in nine months). On March 15, the PBoC kept the 1-year MLF rate, its key policy rate, unchanged at 2.5%. Policy rate hold reflects the PBOC's priority on RMB stability, as the firm US inflation and rising US yields put renewed capital outflow pressure. 5-year LPR was lowered by 25bp to 3.95%, coming in larger than expected in response to weak housing market activity. During the month, China also announced policy focused on equipment & big ticket consumer durable upgrades. On 13 Mar, the State Council published "Plans for Promoting Large-scale Equipment Renewal and Trade-in Old Consumer Goods for New Ones", with numerical targets for end-2027. However, US-China tensions moved up a notch in the month due to various congressional actions. The US-China Science & Technology Agreement was extended for another six months, but future renewals will require new congressional oversight. Two house lawmakers also introduced a series of bipartisan bills regarding US investments in China, including one which would reduce US investments in China. Over in Taiwan, Taiwan's central bank surprised with a 125bps hike to the policy rate at its March meeting, taking the rate to 2%. This is a decade high for the central bank discount rate. TAIEX also saw support from launch of high dividend ETFs. Popularity of ETFs in Taiwan has increased substantially in recent years due to rising demand for proxies to USD bonds and high dividend-yield companies. The Dow Jones Greater China Islamic Market Index was flat at -0.14% in USD terms in March. MSCI China rose 0.93%, Hong Kong's Hang Seng index rose 0.22%, The Shanghai Shenzhen 300 Index rose 0.14% in USD terms, underperforming Taiwan's stock market which rose 5.72% in the month. During the month, the Fund rose 1.01%, outperforming the benchmark by 54 bps in the month. Key contributors were underweight stance in China which saw a rebound in the month. Key detractors were underweight positions in selected Consumer Discretionary names in China and overweight positions in selected Technology names in Taiwan.

### Fund Review & Strategy

Overall activity data in China in 1Q24 exceeded market expectations, especially for exports and certain types of consumption. Overall 1Q24 PMIs showed more signs of stabilization and solid economic momentum towards the end of 1Q24. March's manufacturing PMI spiked to 50.8 in March (vs 49.1 in February), registering the highest reading since the 1Q23 post-Covid re-opening whilst non-manufacturing PMI rose for the fourth consecutive month, with a jump of 1.7pt to 53.1 in March (the highest reading in nine months) (vs 51.4 in February). China's property sector continues its downward spiral with no signs of stabilisation despite easing measures announced in 2023. However, sector will have a lower overall drag on the economy going into 2024 after two years of decline. While overall monetary policy in China remains accommodative, markets do not expect any large-scale policy stimulus from the government. Overall markets have found some stabilisation following step up in market stabilization measures and support from "National Team". National People's Congress (NPC) offered no new surprises and set an ambitious target during its Two Sessions meeting. A GDP growth target of "around 5%", fiscal deficit ratio target at 3% were in line with expectations. Investors will look for more concrete stimulus measures to roll out before or after the Politburo meeting in late-April as whilst GDP target is the same as last year's growth target it would be much harder to achieve without an updated action plan. Fund has selectively added weight back into China but remains selective on exposure given that the property sector has not found a bottom coupled with ongoing structural issues in the economy. Selective exposure remains in areas that have positive policy support, external tailwinds (EV and Renewables, Manufacturing upgrades) and structural opportunities (education, technology, consumption). However, China's valuations continue to trade at a meaningful discount vs region due to 1) ongoing property crisis 2) lack of policy visibility 3) geopolitical risks. Fund has been taking profits on Taiwan following the strong index rally especially in technology stocks since 2023 and rotating profits into China. Recent TAIEX rally has largely priced in the growth potential in 2024 and 2025 for now with index trading slightly above its 26-year average suggesting that current risk-reward ratio appears unfavorable

### Tinjauan Bulanan

Pasaran Greater China kekal mendatar pada Mac selepas pulih pada Februari. Kongres Rakyat Kebangsaan (NPC) tidak menghidangkan kejutan baharu sambil menetapkan sasaran yang gah semasa mesyuarat Dua Sesi. Sasaran pertumbuhan KDNK "sekitar 5%", sasaran nisbah defisit fiskal pada 3% adalah selaras dengan jangkaan. Pelabur akan mencari lebih banyak pelaksanaan langkah rangsangan yang konkrit sebelum atau selepas mesyuarat Politburo pada akhir April memandangkan sasaran KDNK adalah sama dengan sasaran pertumbuhan tahun lepas, maka ia akan menjadi lebih sukar untuk dicapai tanpa pelan tindakan yang dikemas kini. Bacaan PMI Mac menunjukkan momentum aktiviti pembuatan dan perkhidmatan yang kukuh. PMI pembuatan melonjak kepada 50.8 pada Mac, mencatatkan bacaan tertinggi sejak pembukaan semula 1Q23 selepas Covid-19. PMI bukan perkilangan meningkat buat bulan keempat berturut-turut, dengan lonjakan 1.7- mata kepada 53.1 pada Mac (bacaan tertinggi dalam sembilan bulan). Pada 15 Mac, PBoC mengekalkan kadar MLF 1 tahun yang merupakan kadar dasar utamanya, pada 2.5%. Pengekalan kadar dasar ini mencerminkan keutamaan PBOC terhadap kestabilan RMB, kerana inflasi US yang kukuh dan hasil US yang meningkat memberikan tekanan aliran keluar modal baharu. LPR 5 tahun diturunkan sebanyak 25 mata asas kepada 3.95%, lebih besar daripada jangkaan sebagai tindak balas kepada aktiviti pasaran perumahan yang hambar. Pada bulan ini, China juga mengumumkan dasar yang tertumpu pada peningkatan peralatan & bahan tahan lama yang mahal. Pada 13 Mac, Majlis Negeri menerbitkan "Rancangan untuk Mempromosikan Pembaharuan Peralatan Berskala Besar dan Tukar Beli Barangan Pengguna Lama untuk Barangan Baharu", dengan sasaran berangka bagi akhir 2027. Bagaimanapun, ketegangan US-China naik ke satu tahap lebih baik pada bulan ini berikutan pelbagai tindakan kongres. Perjanjian Sains & Teknologi US-China dilanjutkan selama enam bulan lagi, tetapi pembaharuan masa depan akan memerlukan pengawasan baharu kongres. Penggubal undang-undang kedua-dua dewan juga memperkenalkan satu siri rang undang-undang dwipartisan mengenai pelaburan US di China, termasuk satu yang akan mengurangkan pelaburan US di China. Di Taiwan, bank pusat Taiwan mengejutkan dengan pertambahan 125 mata asas kepada kadar dasar semasa mesyuarat Mac, lalu kadar naik kepada 2%. Ianya kenaikan sedekad yang tinggi ke atas kadar diskaun bank pusat. TAIEX juga menerima sokongan daripada pelancaran ETF dividen tinggi. Populariti ETF di Taiwan meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan oleh peningkatan permintaan ke atas proksi kepada bon USD dan syarikat dengan hasil dividen yang tinggi. Indeks Dow Jones Greater China Islamic Market mendatar pada -0.14% dalam terma USD pada Mac. MSCI China naik 0.93%, indeks Hang Seng Hong Kong naik 0.22%, Indeks Shanghai Shenzhen 300 naik 0.14% dalam terma USD, tidak mengatasi pasaran saham Taiwan yang meningkat 5.72% pada bulan itu. Pada bulan tinjauan, Dana meningkat 1.01%, mengatasi penanda aras dengan 54 mata asas pada bulan tersebut. Penyumbang utama prestasi ialah pendirian kekurangan pegangan di China apabila ia melonjak pada bulan ini. Penjejas utama prestasi ialah kekurangan pegangan dalam sebilangan saham Pengguna Bukan Keperluan di China dan kedudukan pegangan berlebihan dalam sebahagian saham Teknologi tertentu di Taiwan.

### Tinjauan & Strategi Dana

Data keseluruhan aktiviti di China pada 1Q24 melebihi jangkaan pasaran, terutamanya untuk eksport dan jenis penggunaan tertentu. Keseluruhan PMI 1Q24 menunjukkan lebih banyak tanda penstabilan dan momentum ekonomi yang kukuh menjelang akhir 1Q24. PMI pembuatan Mac melonjak kepada 50.8 pada Mac (berbanding 49.1 pada Februari), mencatatkan bacaan tertinggi sejak pembukaan semula 1Q23 selepas Covid-19 manakala PMI bukan pembuatan meningkat untuk bulan keempat berturut-turut, dengan lonjakan 1.7pt kepada 53.1 pada Mac (bacaan tertinggi dalam sembilan bulan) (berbanding 51.4 pada bulan Februari). Sektor hartanah China meneruskan aliran menurun tanpa tanda-tanda pemantapan walaupun langkah-langkah pelonggaran diumumkan pada 2023. Bagaimanapun, sektor ini akan mengalami seretan keseluruhan ekonomi yang lebih rendah menjelang 2024 selepas dua tahun mengalami kemerosotan. Walaupun keseluruhan dasar monetari di China kekal akomodatif, namun pasaran tidak menjangkakan sebarang rangsangan dasar berskala besar daripada kerajaan. Keseluruhan pasaran menemui sebahagian penstabilan berikutan peningkatan langkah penstabilan

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 31 March 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2024 melainkan jika dinyatakan

pasaran dan sokongan daripada "Pasukan Kebangsaan". Kongres Rakyat Kebangsaan (NPC) tidak memberikan kejutan baharu dan menetapkan sasaran yang gah semasa mesyuarat Dua Sesinya. Sasaran pertumbuhan KDNK "sekitar 5%", sasaran nisbah defisit fiskal pada 3% adalah selaras dengan jangkaan. Pelabur akan mencari lebih banyak langkah rangsangan yang konkrit untuk dilaksanakan sebelum atau selepas mesyuarat Politburo pada akhir April sementara sasaran KDNK adalah sama dengan sasaran pertumbuhan tahun lepas, maka ia akan menjadi lebih sukar untuk dicapai tanpa pelan tindakan yang dikemas kini. Dana secara terpilih menambah pegangan kepada China tetapi kekal selektif tentang pendedahan memandangkan sektor hartanah tidak menemui titik terbawah ditambah pula dengan isu struktur ekonomi yang berterusan. Pendedahan tertenti kekal dalam bidang yang menerima sokongan dasar yang positif, sokongan luaran (EV dan Tenaga Boleh Diperbaharui, penambahbaikan Pembuatan) dan peluang struktur (pendidikan, teknologi, penggunaan). Walau bagaimanapun, penilaian China terus didagangkan pada diskaun yang bermakna berbanding rantau disebabkan oleh 1) krisis hartanah yang berterusan 2) kekurangan keterlihatan dasar 3) risiko geopolitik. Dana telah mengaut keuntungan di Taiwan berikutan kenaikan indeks yang kukuh terutamanya dalam saham teknologi sejak 2023 sambil memutarakan keuntungan ke China. Peningkatan TAIEX baru-baru ini sebahagian besarnya memfaktorhargakan potensi pertumbuhan bagi 2024 dan 2025 buat masa ini dengan dagangan indeks sedikit di atas purata 26 tahun, menunjukkan bahawa nisbah risiko-ganjaran semasa kelihatan tidak memberangsangkan.

Source / Sumber: Fund Commentary, March 2024, Eastspring Al-Wara' Investments Berhad

## Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL